

Dua pesilat mahu buat perhitungan

- 7 DEC 1990

S. Harian (M)

DUA pesilat kebangsaan, Ahmad Wardi Salim dan Zainal Amak sedia menyelesaikan hutang lama apabila menentang pesilat Indonesia pada perlawanan akhir Kejuaraan Silat Terbuka Malaysia, petang ini.

Ahmad Wardi akan bertemu Syakera bagi merampas kejuaran Kelas A, manakala Zainal berdepan dengan I Wayan Mudra bagi Kelas Bebas.

Ahmad Wardi yang juga naib juara dunia '90 sudah dua kali dikecawakan oleh Syakera.

Kali pertama pesilat Indonesia itu menghampa peluangnya merampas pingat emas Sukan SEA Kuala Lumpur '89, manakala kali kedua, di Pesta Sukan Brunei, Mac lalu.

"Saya mengharapkan kemenangan kali ini. Saya memberi tumpuan sepenuh bagi memastikan kelemahan Syakera sewaktu pesilat itu menumpaskan Rafee Yaacob, dua hari lalu.

"Kali ini, saya tidak akan melepas peluang bagi menyelesaikan hutang," kata Ahmad Wardi.

Sebaliknya, Zainal seakan lebih faham tanggungjawabnya bagi menutup segala tuduhan bahawa dia bukan juara kebangsaan kelas Bebas yang tulin.

"Saya tidak mahu cakap tentang apa yang berlaku esok, tetapi saya akan cuba sedaya upaya saya.

"Kemenangan pertama saya menumpaskan juara dunia '90, Pieters Ludo dari Belgium menaikkan semangat melawan saya untuk mengetepikan Mudra.

"Saya diitewaskan oleh Mudra, Mac lalu. Apa yang saya mahu, agar peristiwa di Brunei lalu tidak berulang lagi di Kuala Lumpur," kata Zainal.

Zainal sejak kebelakangan ini mula menunjukkan peningkatan, terutama keupayaannya melepaskan tendangan. Satu lagi keistemewaananya ialah cekap mengesan kelemahan lawan untuk bertindak balas.

"Saya tidak merancang strategi, tetapi ia mungkin boleh berlaku di gelanggang mengikut rentak lawan. Cuma saya perlu berhati-hati kerana Mudra cekap membuat jatuh," kata Zainal.

Pemilihan pesilat: Persisi harus adil

- 8 DEC 1990

SAYA mengucapkan tahniah kepada kumpulan pesilat Singapura yang menyertai kejohanan terbuka Malaysia yang diadakan baru-baru ini.

Saya terbaca kali ini Singapura menghantar pesilat-pesilat yang sama seperti pada tahun-tahun sebelumnya.

Saya hairan mengapa Persisi tidak mengadakan satu pemilihan yang terbuka. Kita punya ramai pesilat yang berpotensi.

Sepatutnya, Persisi harus bersikap adil dan harus memberi peluang kepada pesilat-pesilat lain untuk menyertainya.

Jika terdapat pesilat-pesilat yang dipilih tidak dapat turut sama pada kali ini, Persisi harus memberi peluang kepada yang boleh mengikut atau menyertai rombongan Singapura itu.

Justeru itu, pada pendapat saya Persisi masa kini masih melakukan sesuatu yang mengikut perasaan dan bukan peraturan.

Saya berharap Persisi harus memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk memupuk satu perpaduan dan bersefahaman di kalangan kerabat dan perguruan-perguruan silat setempat.

**Pesilat Muda
Singapura 1646**